

**KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN FEBRUARI 2022**

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	07.02.2022	Isu Projek LCS Perlu Diberi Tumpuan Kerajaan	2
2.	10.02.2022	4 Direman Kes Suapan Projek RM300 J	3
3.	10.02.2022	Pembantu Pegawai Khas EXCO Antara Tiga Direman – Tuntutan Palsu Lebih RM80,000	4
4.	11.02.2022	17 Individu Akan Dipanggil – Dakwaan Isu Intergriti MARA Corp	5
5.	12.02.2022	5 Pegawai MARA Diberi Keterangan Di Bangunan SPRM	6
6.	13.02.2022	Kerajaan Kenal Pasti 92 Projek Bermasalah	7
7.	14.02.2022	Pasangan Ditahan Kes Tuntutan Palsu	8
8.	17.02.2022	Peniaga Kena Denda RM100,000 Kes Rasuah Pegawai KPDPHEP	9
9.	17.02.2022	Masalah Kewangan Punca Projek PR1MA Lewat Siap	10
10.	18.02.2022	Kes Melebihi 10 Tahun Punca Siasatan Sukar – Isu Kontrak Perolehan 6 Kapal LCS	11
11.	18.02.2022	Bekas COO E-Idaman Didenda RM200,000	12
12.	21.02.2022	Kuarters Di Putrajaya Kosong Terbiar, Tidak Diselenggara	13
13.	22.02.2022	‘Jual, Sewakan Kuarters kakitangan Awam Terbiar’	14
14.	24.02.2022	Dua Pegawai Sukan Kena reman 7 Hari	15
15.	25.02.2022	Penjawat Awam Tak Mengaku Salah Guna Kedudukan	16
16.	25.02.2022	Bekas Pengarah KPTM Semporna Didakwa	17

Berita Harian | 7 February 2022 | Page 38

# Isu projek LCS perlu diberi tumpuan kerajaan



Pengarang Berita (Bisnes)

Oleh Kamarulzaidi Kamis  
kamarulzaidi@nstp.com.my

**Pada** minggu lalu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua ketua pegawai eksekutif sebuah syarikat yang terbabit dalam kontrak perolehan enam kapal tempur pesisir pantai (LCS).

Jurucakap SPRM berkata, mereka ditahan kerana disyaki melakukan penyelewengan dan menerima rasuah menerusi pembayaran kepada tiga syarikat di luar negara.

Penahanan ini lanjutan laporan yang dibuat kepada SPRM oleh Presiden Persatuan Veteran Tentera Laut Diraja Malaysia (PVTLD), Laksamana Pertama (B) Mohamad Inran Abd Hamid, pada 21 November tahun lalu berhubung projek pembinaan enam kapal LCS yang gagal diserahkan ke negara.

Boustead Heavy Industries Corporation (BHIC) yang menjadi syarikat induk Boustead Naval Shipyard (BNS) juga membuat laporan kepada SPRM untuk me-

nyiasat penyelewengan itu.

Difahamkan dengan penahanan itu SPRM menemui petunjuk baharu untuk terus melakukan siasatan terhadap kontrak perolehan enam kapal LCS yang dilaksanakan oleh Boustead Naval Shipyard.

BHIC juga menegaskan untuk terus memberi kerjasama kepada SPRM.

Projek LCS bernilai RM9.128 bilion diamugerahkan kepada BNS oleh kerajaan melalui Kementerian Pertahanan pada 2011 dan RM6 bilion sudah dibayar bagi pembinaan enam kapal berkenaan secara serentak.

Namun, hingga kini tiada satu pun LCS yang disiapkan dan diserahkan kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), walaupun perjanjian kontrak pada Januari 2014 menggariskan LCS 1, iaitu dua kapal pertama sepatutnya diserahkan kepada kerajaan pada April 2019.

Ketika pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan, projek ini dihentikan dan siasatan dilakukan untuk mengenal pasti punca kelewatan ekoran Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 Siri 1 yang diterbitkan pada 2019.

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) juga menjalankan

laporan prosiding membabitkan projek LCS sehingga Januari 2022.

Apabila Kerajaan Perikatan Nasional mengambil alih tampuk pemerintahan negara, Menteri Kanan Pertahanan ketika itu, iaitu Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan Jemaah Menteri membuat keputusan meneruskan projek LCS atau pembinaan kapal tempur pesisir, demi kepentingan TLDM dan dalam hal ini, pihaknya membuat kajian mendalam terhadap semua aspek projek itu dan Jemaah Menteri mendapati lebih banyak kebaikan serta keuntungan diperolehi kerajaan serta rakyat dengan meneruskan projek itu.

Pada November 2021, Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menegaskan kapal LCS yang pertama akan diterima TLDM pada 2025. Pada Sidang Dewan Rakyat 15 November 2021, Hishammuddin menyatakan kelewatan projek ini berpunca daripada pihak pengeluaran produk tulen (OEM) yang memberhentikan kerja susulan masalah kewangan.

Menurutnya, proses perolehan itu mengalami kelewatan 39.52 peratus atau 43 bulan, menyebabkan pembayaran kepada



Antara model kapal tempur pesisir pantai untuk guna TLDM.

OEM tidak dibuat mengikut jadual selain kegagalan kontraktor menyiapkan reka bentuk dalam tempoh ditetapkan serta lewat memuktamadkan perolehan sebahagian peralatan serta kualiti kerja yang tidak mengikut spesifikasi.

"Ini memang menjadi keutamaan saya sejak hari pertama masuk ke Mindef. Selaras agenda Kertas Putih Pertahanan, sejajar dengan Program Transformasi Armada 15 to 5 dan demi kepentingan *end user* (pengguna akhir) kita, iaitu TLDM.

"Perancangan ke hadapan adalah menyediakan opsyen Pelan Pemulihan Projek LCS, mengadakan perbincangan bersama Kementerian Kewangan (MoF) dan penbentangan kepada kerajaan pelan pemulihan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri," jelasnya ketika ditemui pada majlis Amanat Menteri Kanan Pertahanan di Kem Sungai Besi, 17 Januari lalu.

Hishammuddin turut memberi jaminan tiada apa yang disembunyikan kerajaan.

Mencari penyelesaian isu penyelewengan dan bergerak ke hadapan projek LCS yang tergendala ini perlu diberi tumpuan sewajarnya oleh kerajaan kerana

ia membabitkan aset strategik negara terutamanya dalam memastikan kesiapsiagaan pertahanan negara berada pada tahap optimum.

Namun, beberapa penambahan dalam sistem perolehan dalam industri pertahanan harus dilakukan untuk memastikan perkara seperti ini tidak berulang.

Menurut seorang penganalisis geopolitik di sebuah institusi pengajian tinggi awam, antara penambahan yang perlu dilakukan untuk memastikan sistem 'orang tengah' dalam industri pertahanan dimansuhkan.

Bellau berkata: "Orang tengah sering menjadi punca penyelewengan projek perolehan kerajaan terutamanya dalam industri pertahanan. Tindakan perlu diambil supaya kerajaan dan TLDM mendapat aset diperlukan dalam jangka masa yang dipersestujui".

Menurut seorang lagi sumber, antara perkara yang sedang dipertimbangkan adalah memastikan jawatankuasa bebas ditubuhkan memastikan projek ini dipantau dengan transparan dan garis masa munasabah dipatuhi semua pihak dalam menyiapkan kapal LCS ini.

Berita Harian | 10 February 2022 | Page 18

## 4 direman kes suapan projek RM300j

**Putrajaya:** Dua pegawai agensi kerajaan dan dua pemilik syarikat ditahan reman enam hari mulai semalam bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima suapan bagi projek penyelenggaraan cerun jalan raya bernilai RM300 juta.

Perintah reman sehingga 14 Februari itu dikeluarkan Majistret Ahmad Asyraf Mohamed Kamal selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat permohonan di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini semalam.

Difahamkan, kedua-dua pegawai meminta dan menerima suapan daripada pemilik syarikat terbabit bagi kerja-kerja berkaitan penyelenggaraan cerun di jalan persekutuan dan jalan negeri.

Menurut sumber, kesemua suspek lelaki berusia antara 39 hingga 42 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya sama-



Dua daripada 4 lelaki di bawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam bagi perintah reman berkaitan kes suapan. (Foto ihsan SPRM)

lam selepas hadir memberikan keterangan.

Seorang pegawai agensi kerajaan berkenaan kini bertugas di Negeri Sembilan manakala

seorang lagi di ibu pejabat di Kuala Lumpur, kata sumber itu.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas

SPRM, Datuk Tan Kang Sai ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a) (A) Akta SPRM 2009.



Kes kemuka tuntutan palsu lebih RM80,000 Berita Harian | 10 February 2022 | Page 18

# Pembantu pegawai khas EXCO antara tiga direman

**Suspek disyaki kemuka butiran palsu berkaitan bekalan peralatan babit 6 syarikat**

Oleh Zuhainy Zulkiffli  
bhnews@bh.com.my

**Georgetown:** Tiga individu termasuk pembantu pegawai khas EXCO Pulau Pinang direman empat hari mulai semalam bagi membantu siasatan berhubung dakwaan mengemukakan tuntutan palsu berkaitan satu program penjaja membabitkan nilai suapan lebih RM80,000.

Perintah reman sehingga 12 Februari itu dikeluarkan Majistret R Manomani selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat permohonan itu semalam.

Siasatan terhadap pembantu pegawai khas EXCO berusia 42 tahun itu serta dua lagi individu dilakukan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Difahamkan, kesemua individu terbabit termasuk pembantu

pegawai khas EXCO dipercayai mengemukakan butiran palsu berkaitan pembekalan peralatan, membabitkan enam syarikat sedangkan program pada 2020 berkenaan tidak dilaksanakan.

Terdahulu ketiga-tiga individu termasuk seorang wanita tiba di pekarangan mahkamah pada 10.15 pagi dengan berpakaian loka SPRM.

Sementara itu, peguam M Puvneswaran yang mewakili pembantu pegawai khas berkenaan berkata, lelaki terbabit mengaku di hadapan majistret bahawa dia masih menerima gaji sebagai pegawai khas.

Kelmarin, SPRM Pulau Pinang menahan enam individu dipercayai mengemukakan tuntutan palsu berkenaan.

Difahamkan, keenam-enam individu termasuk tiga lelaki berusia antara 25 hingga 50 tahun itu ditahan di pejabat SPRM Pulau Pinang.

Bagaimanapun, tiga individu dilepaskan dengan jaminan SPRM dalam tempoh 24 jam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pulau Pinang, Lim Bee Kean ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



Tiga individu direman empat hari bermula semalam. (Foto Mikail Ong/BH)

Berita Harian | 11 February 2022 | Page 3

## Dakwaan isu integriti MARA Corp

# 17 individu akan dipanggil

**SPRM teliti dokumen babit pelbagai aspek, lengkap siasatan**

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seramai 17 individu termasuk lima individu yang dikaitkan dengan dakwaan salah guna kuasa membabitkan beberapa pegawai kanan Majlis Amanah Rakyat (MARA), akan dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam masa terdekat.

Setakat ini, SPRM sudah memanggil 14 saksi termasuk empat ahli lembaga pengarah MARA Corporation (MARA Corp), tujuh orang daripada pengurusan MARA Corp, dua pegawai MARA dan seorang daripada syarikat setiausaha korporat dan syarikat perkhidmatan penyumbangan luar korporat (CoSec) kepada agensi itu.

Jurucakap SPRM berkata, empat ahli lembaga pengarah MARA Corp dipanggil untuk diambil keterangan bersama empat pegawai MARA, tiga pegawai bank dan seorang daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

"Kelima-lima pegawai terbabit akan dipanggil untuk dirakam percakapan di ibu pejabat SPRM esok (hari ini)," katanya di sini, semalam.

Jurucakap SPRM berkata, antara dokumen yang diambil adalah kertas cadangan dan minit mesyuarat ahli lembaga pengarah serta EXCO.



SPRM menyerbu sekurang-kurang tiga pejabat berkaitan MARA di ibu negara Isnin lalu bagi membantu siasatan dakwaan isu integriti membabitkan pegawai kanan agensi berkenaan. (Foto Aswadi Alias /BH)

Dokumen lain membabitkan perincian kewangan dan gaji serta dokumen berkaitan sumber manusia, prosedur operasi standard (SOP) dan surat anugerah (LOA).

Ditanya mengenai fokus terbaharu siasatan dakwaan penyalahgunaan kad kredit, beliau berkata, perkara itu juga masih dalam siasatan SPRM.

Sementara itu, Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Hishamuddin Hashim ketika dihubungi, mengesahkan pihaknya membuka kertas siasatan berhubung isu penyalahgunaan kad kredit seperti dakwaan terbabit, namun enggan mengulas lanjut.

SPRM sebelum ini memulakan

siasatan berhubung dakwaan salah guna kuasa membabitkan beberapa pegawai kanan MARA dan Isnin lalu, sekumpulan pegawainya menyerbu sekurang-kurangnya tiga pejabat berkaitan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) itu bagi membantu siasatan.

Isu membabitkan dakwaan integriti dalam kalangan pengurusan MARA berlarutan apabila timbul pula dakwaan berlaku penyalahgunaan kad kredit syarikat oleh pegawai kanan dalam MARA Corporation (MARA Corp).

Selasa lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, pihaknya tidak

menerima aduan berhubung dakwaan salah laku membabitkan Pengarah Eksekutif MARA Corp, Datuk Suhaili Abdul Rahman mengenai penggunaan kad kredit korporat syarikat itu.

Katanya lagi, fokus siasatan suruhanjaya itu adalah dakwaan salah guna kuasa oleh lima pegawai kanan MARA, iaitu menggunakan kedudukan untuk mendapatkan elaun yang tidak sepatutnya diperolehi mereka.

Sebelum itu, sebuah portal melaporkan seorang daripada lima pegawai MARA berkenaan membuat laporan mendakwa Suhaili menggunakan kad kredit MARA Corp untuk tujuan peribadi, namun ia dinafikan Suhaili.



Berita Harian | 12 February 2022 | Page 7

## 5 pegawai MARA beri keterangan di bangunan SPRM

**Putrajaya:** Lima pegawai kanan Majlis Amanah Rakyat (MARA) masih memberi keterangan di bangunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di sini, setakat jam 6 petang semalam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, mengesahkan kehadiran lima pegawai kanan itu dan memaklumkan mereka tiba di bangunan berkenaan kira-kira jam 3 petang, semalam.

Sebelum ini *BH* melaporkan SPRM akan memanggil lima pegawai kanan MARA untuk dirakam keterangan berhubung dakwaan salah guna kuasa.

Kelmarin, media melaporkan 17 individu termasuk lima pegawai kanan MARA akan dipanggil SPRM pada masa terdekat.

Setakat ini, SPRM sudah memanggil 14 saksi termasuk empat ahli lembaga pengarah MARA Corporation (MARA Corp), tujuh individu dari pengurusan MARA Corp, dua pegawai MARA serta seorang dari syarikat setiausaha korporat dan syarikat perkhidmatan penyumberan luar korporat (Co-Sec) kepada agensi itu.

Isnin lalu, sepasukan pegawai SPRM menyerbu sekurang-kurangnya tiga pejabat berkaitan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi membantu siasatan.

Nasional

13 Februari 2022 BH AHAD

# Kerajaan kenal pasti 92 projek bermasalah

## Pemilihan kontraktor, perunding punca kelewatan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@nstp.com.my

**Jeli:** Kerajaan mengenal pasti sebanyak 92 projek bermasalah, termasuk projek mega yang kebanyakan berpunca daripada pemilihan kontraktor.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata projek bermasalah atau projek sakit ialah projek yang mengalami kelewatan melebihi dua bulan atau 20 peratus, berbanding jadual pelaksanaan.

Katanya, antara punca utama kelewatan ialah masalah kontraktor dan perunding serta isu pelaksanaan projek seperti penyelarasan di antara pelanggan, agensi pelaksana serta pihak ketiga.

"Projek-projek ini sedang dipantau Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri. Sebanyak 22 projek sakit berkenaan di bawah Kementerian Pendidikan. Sabab pula merekodkan projek sakit paling tinggi, iaitu 16," katanya.

Bercakap pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penyerahan dan Perasmian Projek Membina Jalan dari Chedok ke Nibong, di sini, semalam, beliau



Mustapa beramah mesra dengan penduduk ketika merasmikan Majlis Penyerahan dan Perasmian Projek Membina Jalan dari Chedok ke Nibong, di Jeli, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

berkata, tindakan sewajarnya sedang diambil untuk memantapkan kriteria pemilihan dan pelantikan kontraktor serta perunding.

"Selain itu, usaha meningkatkan kemahiran penjawat awam dalam menguruskan projek pembangunan negara. Kerajaan memandang serius isu berkaitan penyelarasan dalam pelaksanaan projek dan ingin menekankan semua pihak yang berkepentingan harus bergerak seiring secara terancang dan bersepadu.

"Ini bagi memastikan pencapaian matlamat pelaksanaan

projek pembangunan negara dapat dicapai dengan jayanya. Pada masa sama, kerajaan sentiasa komited dalam memastikan projek pembangunan kerajaan dapat disiapkan mengikut jadual supaya rakyat mendapat manfaat mengikut tempoh masa yang ditetapkan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mustapa berkata, sepanjang tahun lalu, ekonomi negara mencatatkan peningkatan sebanyak 3.1 peratus, selaras dengan sasaran kerajaan di antara 3 dan 4 peratus.

Katanya, pertumbuhan Kelua-

ran Dalam Negara Kasar (KDNK) pula berada pada paras terendah sasaran rasmi dan nilai KDNK masih belum mencapai paras sebelum pandemik COVID-19 dengan jurang 2.7 peratus atau RM38.2 bilion pada harga malar berbanding 2019.

"Ini disebabkan kejatuhan pelaburan terutama pelaburan awam yang menguncup sebanyak 11.4 peratus. Kejatuhan itu sejajar dengan penguncupan sektor pembinaan yang merosot sebanyak 12.2 peratus, terutama dalam aktiviti pembinaan kejuruteraan awam dan bangunan kediaman," katanya.

## Pasangan ditahan kes tuntutan palsu

**Johor Bahru:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan pasangan suami isteri bagi membantu siasatan salah kuasa dan tuntutan palsu kira-kira RM40,000.

Menurut sumber, suspek wanita, berusia 30 tahun dan suaminya berusia 32 tahun, ditahan di Pejabat SPRM Johor jam 11.30 pagi semalam, selepas hadir memberikan keterangan.

Difahamkan, pada 2020 hingga tahun lalu, wanita itu yang bertugas sebagai pembantu tadbir di sebuah jabatan kerajaan di daerah, menggunakan kedudukannya dengan memberi kerja pembekalan kepada syarikat suaminya.

Namun, kerja pembekalan sepatutnya dibuat syarikat berkeajaan, tidak dilaksanakan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 23 dan 18 Akta SPRM 2009.

Suspek akan dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru, hari ini, bagi mendapatkan permohonan reman.



Berita Harian | 17 February 2022 | Page 16

## Peniaga kena denda RM100,000 kes rasuah pegawai KPDNHEP

**Ipoh:** Seorang peniaga baja didenda RM100,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam selepas mengaku salah atas tuduhan merasuah pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), empat tahun lalu.

Hakim M Bakri Abd Majid, turut menetapkan hukuman penjara 10 bulan sekiranya tertuduh, Lee Soon Teck, 53, gagal menjelaskan denda berkenaan.

Soon Teck mengaku salah atas pertuduhan dibacakan, iaitu secara rasuah memberi suapan wang tunai RM30,150 kepada Pembantu Penguat Kuasa Muhammad Fithry Hassan yang bertugas di Ibu Pejabat KPDNHEP di Putrajaya.

Suapan itu sebagai satu balasan untuk melepaskan tertuduh daripada dikenakan tindakan undang-undang kerana menyimpan baja bersubsidi tanpa lesen di bawah kesalahan Akta Kawalan Bekalan 1961.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di premis Guan Choon di Batu 6, Jalan Baru, Parit



Soon Teck dibawa ke Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam.  
(Foto BERNAMA)

Buntar pada jam 10.30 pagi 8 Oktober 2018.

Pertuduhan dibacakan mengikut Seksyen 214 Kanun Keseksan dan jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 10 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa

Raya Maziyah Mansor, manakala tertuduh diwakili peguam V A Kailashii.

M Bakri turut memerintahkan wang tunai RM30,150 yang juga wang suapan rasuah dalam kes ini dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia mengikut Seksyen 40(1)(a) Akta SPRM 2009.

BH Khamis, 17 Februari 2022



Ismail menyerahkan sumbangan kepada pelajar pada program 'Back to School' peringkat Parlimen Maran di Dewan Arena Tengku Muda, Maran, semalam. (Foto Roselan Ab Malek/BH)

# Masalah kewangan punca projek PR1MA lewat siap

**KPKT wujudkan pelan war room pastikan isu babit perumahan diselesai lebih cepat, terbaik**

Oleh Roselan Ab Malek  
bhnews@bh.com.my

**Maran:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi war room yang diwujudkan untuk memulihkan projek sakit mengenal pasti masalah kewangan menyebabkan projek rumah mampu milik Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) lewat disiapkan sebelum ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Ismail Abdul Mutalib, berkata masalah utama dikenal pasti ialah kekangan kewangan dialami PR1MA pada 2017 hingga 2019 yang menyebabkan kelewatan dalam pembayaran.

"(Bagaimanapun) sekiranya kontraktor asal gagal menyiapkan projek mengikut perjanjian,

KPKT akan mencari kontraktor penyelamat bagi meneruskan projek demi rakyat.

"Bagaimanapun Pelan Rasionalisasi Projek Prima sudah dilaksanakan pada 2019 dan sehingga kini PR1MA tidak lagi lewat melunaskan bayaran kepada kontraktor," katanya.

Beliau berkata demikian selepas program 'Back to School' peringkat Parlimen Maran membabitkan 4,652 pelajar dari Dewan Undangan Negeri (DUN) Luit, Chenor dan Kuala Sentul membabitkan keluarga B40 di Dewan Arena Tengku Muda, di sini.

Dalam pada itu, beliau mengakui pandemik COVID-19 antara faktor utama menyebabkan tapak binaan ditutup dan bekalan bahan binaan terganggu dalam tempoh panjang.

Berdasarkan rekod KPKT, beliau berkata, sehingga kini 6,685 pembeli rumah dalam pembinaan mula membuat pembayaran kepada pihak bank.

Bagi peminjam Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) pula katanya, pembeli hanya akan memulakan pembayaran ansuran selepas dua tahun bagi rumah atas tanah dan tiga tahun bagi rumah strata dari tarikh perjanjian yang sehingga

kini membabitkan 1,133 pembeli.

Mengenai keberkesanan war room yang diwujudkan itu, beliau berkata, ia bukan sekadar membabitkan semua projek perumahan di bawah seliaan KPKT seperti PR1MA, Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), malah turut meliputi pemaju swasta.

Beliau berkata, pelan war room atau mitigasi ini adalah proses berfokus bagi menyelesaikan sebarang isu kelewatan projek perumahan supaya ia dapat diselesaikan dengan tangkas, cepat dan terbaik.

"Melalui war room ini, kita melihat semua isu perumahan secara menyeluruh.

"Apa juga isu berkait perumahan yang menyebabkan ia 'sakit', lewat atau terbengkalai secara terbuka dan telus akan diteliti.

"KPKT perlu mencari pendekatan yang lebih fokus serta strategik dan pelan war room ini diyakini akan memberi impak positif dalam membela pembeli.

"KPKT bukan hanya memantau rapat kemajuan projek melalui pemerhatian khusus, malah turut meneliti laporan mingguan dan akhir sekali mengeluarkan surat amaran," katanya.



Isu kontrak perolehan 6 kapal LCS

# Kes melebihi 10 tahun punca siasatan sukar

**Kuala Lumpur:** Siasatan terhadap isu kontrak perolehan enam kapal Kapal Tempur Pesisir Pantai (LCS) didapati sukar kerana kekangan yang dihadapi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) termasuk kes dilaporkan sudah melebihi 10 tahun.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, ketika mengakui kesukaran itu, menegaskan yang pihaknya tetap membuka tiga kertas siasatan berhubung kes berkenaan berdasar petunjuk yang diperolehi setakat ini.

Malah, katanya, SPRM sudah mengemukakan permohonan Bantuan Perundangan Bersama

(MLA) berkaitan hal ehwal jenayah bagi menjalankan siasatan di luar negara.

"Kita buka tiga kertas siasatan berhubung kes ini dan siasatan masih berjalan, namun ada kekangan kerana kes ini bermula 2009 hingga 2010 dan 2011. Malah ada juga dokumen berada pada entiti di luar negara yang perlu kita ambil.

"Setakat ini kita sudah mengemukakan aspek undang-undang termasuk MLA kerana ia diperlukan dalam siasatan sedemikian," katanya pada sidang media selepas pelancaran Program



Ahmad Khusairi

Excel bersama Ram-soll Group Berhad dan Elmu Education Group Sdn Bhd, di sini semalam.

Bulan lalu, SPRM menahan dua Ketua Pegawai Eksekutif syarikat yang terabit dalam kontrak perolehan enam kapal LCS, kerana disyaki melakukan penyelewengan dan menerima rasuah menerusi pembayaran yang dibuat kepada tiga syarikat di luar negara.

Mengulas mengenai kes integriti lima pegawai kanan Majlis Amanah Rakyat (MARA), Ahmad

Khusairi berkata, SPRM melengkapkan hampir 99 peratus siasatan.

"Berhubung kes siasatan MARA, kita sudah 99 peratus menyiapkan siasatan dan akan dibawa kepada Pengarah Perundangan dan Pendakwa Raya untuk tindakan lanjut," katanya.

Mengenai siasatan penyalahgunaan kad kredit korporat MARA Corporation (MARA Corp), Khusairi berkata, pihaknya sedang menyemak perbelanjaan peribadi yang dilakukan individu yang dikaitkan dan ia menjadi sebahagian dari fokus siasatan yang dilakukan pihaknya berhubung kes itu.

"Kita sedang semak adakah terdapat klausa tertentu dalam per-

belanjaan menggunakan kad kredit itu. Adakah terdapat perbelanjaan untuk peribadi atau pejabat. Sekiranya ada klausa 'bayar balik' perbelanjaan itu juga kita akan semak," katanya.

Menyentuh siasatan penyelewengan dana Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Ahmad Khusairi akan dituntut di dua mahkamah berasingan di Ipoh, Perak dan ibu negara, esok.

Tambahnya, selain pendakwaan itu, pihaknya sudah menyiapkan pendakwaan terhadap se-kurang-kurangnya 10 syarikat.

"Dalam MITRA 2.0, sebanyak 27 entiti termasuk syarikat, individu dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) disiasat," katanya.



Berita Harian | 18 February 2022 | Page 16

## Bekas COO E-Idaman didenda RM200,000

**Alor Setar:** Seorang bekas ketua pegawai operasi (COO) syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal serta pembersihan awam didenda RM200,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam, selepas mengaku salah atas tiga pertuduhan pilihan menggunakan dokumen palsu berkaitan tuntutan kerja kontrak.

Hakim Harmi Thamri Mohamad menjatuhkan hukuman itu ke atas Azmi Amin Sarji, 53 dan memerintahkannya menjalani hukuman penjara 36 bulan sekiranya gagal membayar denda terbabit.

Bagi pertuduhan pilihan pertama dan kedua, Azmi didenda masing-masing RM70,000 atau penjara 12 bulan, manakala untuk pertuduhan ketiga dia didenda RM60,000 atau penjara 12 bulan.

Harmi Thamri berkata, hukuman itu selepas mengambil kira kepentingan awam supaya memberi iktibar kepada masyarakat.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, Azmi yang ketika itu COO En-



Azmi (kiri) tiba di Mahkamah Sesyen Alor Setar, semalam.  
(Foto BERNAMA)

vironment Idaman Sdn Bhd (E-Idaman) dituduh dengan curang menggunakan suatu dokumen sebagai tulin berhubung bayaran bagi November 2017 berjumlah RM74,489.53 dan Disember 2017 berjumlah RM74,489.53, yang tertuduh mempunyai sebab mempercayai dokumen itu palsu.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di Pejabat E-Idaman Kedah dan Perlis di Wisma Idaman di Bandar Stargate, Lebuh raya Sultanah Bahiyah, di sini, pada 4 Jun 2018.

Dia juga dituduh bersama Mhd Saiful Anuar Zai-

nal, 53, iaitu bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) E-Idaman menggunakan dokumen palsu bagi bayaran Mac 2017 berjumlah RM426,935.14 di lokasi sama pada 8 dan 9 Mei 2017.

Dalam pada itu, Azmi turut mengaku salah atas dua pertuduhan menerima suapan masing-masing RM181,177 dan RM170,000 yang didakwa dilakukan pada 20 dan 19 Februari 2018, namun mahkamah mempertimbangkan hukuman bagi pertuduhan itu mengikut Seksyen 171A Kanun Prosedur Jenayah.

BERNAMA

BERITA HARIAN/21 FEBRUARI 2022/M.S: 13

## Kuarters di Putrajaya kosong terbiar, tidak diselenggara

**Kuala Lumpur:** Kewujudan banyak kuarters tidak berpenghuni di sekitar Presint 11, di Putrajaya kini menimbulkan kebimbangan penduduk sekitar yang mendakwa kawasan itu menjadi tempat pembiakan nyamuk dan haiwan berbisa.

Tinjauan *BH* di sekitar kawasan berkenaan mendapati, ada sebilangan kediaman yang tidak diselenggara dengan baik, selepas ditinggalkan lama, dengan pokok serta lalang mula tumbuh memenuhi halaman kediaman terbabit.

Situasi itu menimbulkan tanda tanya kerana difahamkan masih ramai kakitangan awam yang menunggu giliran mendapatkan kuarters di Putrajaya.

Pengerusi Komuniti Presint 11, Carlos Basri, berkata sebahagian kediaman kosong itu membabitkan kuarters kerajaan, namun

tidak pernah diisi penghuninya, dengan ada yang sudah dibiarkan kosong sejak dua tahun lalu.

"Kawasan ini memang banyak kuarters kerajaan. Jadi mereka akan keluar masuk (pindah) kediaman ini. Cuma apabila kediaman ini tidak dihuni dalam tempoh lama dan tidak diselenggara, ia mengundang kebimbangan kepada penduduk setempat.

"Macam di kawasan ini sahaja (Presint 11), saya sudah temui ada sekitar 127 rumah tidak diduduki dan dibiarkan kosong antara enam hingga dua tahun. Ini hanya rumah teres sahaja, belum dikira pangsapuri lagi," katanya.

Lebih menyedihkan, katanya, biarpun dibiarkan kosong, kerja penyelenggaraan dan pembersihan tidak berjalan dengan sempurna dan dipantau pihak ber-



Antara kediaman yang terbiar dan tidak diselenggara di Taman Perumahan Presint 11, Putrajaya. (Foto Azhar Ramli/*BH*)

wajib setiap masa, memaksa kawasan kediaman itu dipenuhi semak samun.

"Dibiarkan kosong itu satu hal, tapi selenggara pun tidak. Jadi ada rumah yang sudah dipenuhi lalang, pokok menjalar tinggi pun tidak ditebang dan ini mengundang kehadiran nyamuk serta ular.

"Di sini sahaja, sudah beberapa kali kejadian ular ditemui di sekitar kawasan kediaman yang kosong. Saya harap, jika dibiarkan kosong, kawasan sekitarnya mestilah diselenggara setiap ma-

sa, bagi mengelak ancaman ini wujud dan membahayakan penduduk setempat," katanya.

Tinjauan *BH* turut mendapati, sebahagian kediaman juga tidak berkunci, sekali gus memudahkan pihak luar mengambil kesempatan untuk masuk atau melakukan perkara tidak elok di dalam kediaman kosong itu.

Berdasarkan notis dipaparkan di luar kuarters yang kosong, kediaman berkenaan dikawal selia Bahagian Perumahan Hartanah (*BPH*) Jabatan Perdana Menteri (*JPM*).



BH Selasa, 22 Februari 2022

Nasional

# 'Jual, sewakan kuarters kakitangan awam terbiar'

**Langkah elak kediaman rosak, dijadikan lokasi aktiviti tidak bermoral**

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi dan Mohamad Fahd Rahmat  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM) mencadangkan supaya kuarters kakitangan awam yang terbiar di seluruh negara, dijual atau disewakan kepada penduduk setempat bagi mengelak daripada terus rosak.

Presiden PPKM, Tan Sri Wan Mahmood Pa'Wan Teh, berkata kebanyakan kuarters yang terbiar adalah di kawasan yang mempunyai ramai penduduk.

Kuarters berkenaan juga boleh disewakan kepada pihak yang berminat untuk dijadikan pejabat termasuk kepada pertubu-

han bukan kerajaan (NGO). "Memang diakui banyak kuarters kakitangan awam yang terbiar ketika ini dan jika lebih lama dibiarkan begitu sahaja akan terus menyebabkan kerosakan yang teruk sekali gus merugikan kerajaan. "Jadi saya cadangkan supaya ia dijual atau disewakan kepada penduduk setempat atau dijual kepada pesara kerajaan yang berminat membeli," katanya kepada BH.

Wan Mahmood berkata, pihaknya juga mencadangkan supaya kuarters kakitangan awam terutama di daerah di seluruh negara, 'dipinjamkan' kepada PPKM yang kebanyakannya masih tiada pejabat tetap.

Katanya, ketika ini PPKM di Sepang, Selangor berpeluang menggunakan kuarters kakitangan awam sebagai pejabat dan berharap PPKM di daerah lain turut diberi peluang yang sama.

Sementara itu apabila ditanya apakah faktor yang menyebabkan

kan kakitangan awam enggan tinggal di kuarters yang disediakan, Wan Mahmood berkata ia berikutan isu penyelesaian.

Kebanyakan kakitangan awam terutama yang sudah berkeluarga lebih selesa tinggal di rumah sendiri kerana ada kuarters yang hanya menyediakan dua bilik dan itu tidak sesuai untuk mereka.

"Selain itu kerana masalah lain seperti isu pembaikan kuarters yang didiami. Jika ada sebarang masalah perlu mengambil masa berbulan-bulan untuk dibaiki. Sebagai contoh lampu rosak. Perlu melalui beberapa prosedur sebelum boleh dibaiki dan berbeza dengan jika tinggal di rumah sendiri boleh dibaiki bila-bila masa," katanya.

Sementara itu di Johor Bahru, Pengasas Armada Relawan Tanjung Selatan (ARTS) Ahmad Anwar Asyraf Ismail, berkata kompleks perumahan kerajaan atau kuarters yang terbiar boleh

dibaiki pulih untuk dijadikan rumah transit atau rumah mampu sewa.

Rumah berkenaan katanya boleh ditawarkan kepada anak muda yang baru mendirikan rumah tangga dan yang tidak mampu untuk membeli rumah sendiri.

"Rumah ini boleh ditawarkan kepada golongan ini berdasarkan kepada kadar sewaan yang berpatutan dan hanya untuk tempoh tertentu sebagai contoh selama dua tahun sahaja," katanya ketika dihubungi.

Katanya, kompleks perumahan kerajaan atau kuarters kerajaan yang terbiar itu akhirnya mengundang masalah kepada penduduk setempat termasuk menjadi sarang penagihan dadah dan perbuatan tidak bermoral.

"Dengan mengambil contoh, kompleks perumahan kerajaan daerah Muar yang terletak di Kampung Kenangan Tun Dr Ismail yang telah terbiar sejak 2014, adalah amat menyedihkan kompleks perumahan yang mempunyai puluhan rumah tidak dapat memberi manfaat kepada warga yang memerlukan rumah," katanya.



Wan Mahmood



BERITA HARIAN | 24 FEB 2022 | MS 17

## Dua pegawai sukan kena reman 7 hari

**Seremban:** Dua pegawai sukan Negeri Sembilan direman tujuh hari bagi siasatan kes tuntutan palsu RM17,280 pada 2019.

Perintah reman hingga Selasa depan itu dikeluarkan Majistret Mohd Firdaus Salleh, di sini, semalam, susulan permohonan Penolong Penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan, Muhammad Shahrul Nizam Mohd Mokhtar.

Ia bagi membantu siasatan SPRM berhubung kes tuntutan palsu latihan sukan Pasukan Tenpin Boling Negeri Sembilan tetapi program itu dikata tidak dijalankan.

Kedua-dua pegawai berusia 43 dan 56 tahun itu ditahan ketika hadir ke Pejabat SPRM Negeri Sembilan untuk memberikan keterangan, kelmarin.

Difahamkan pada September hingga Disember 2019, kedua-dua suspek bersama seorang individu lagi disyaki bersubahat mengemukakan tuntutan palsu membabitkan latihan sukan boling atas nama Pasukan Tenpin Boling Negeri Sembilan bagi persediaan Sukan Malaysia (Sukma) 2020, kepada Majlis Sukan Negeri Sembilan.

## Penjawat awam tak mengaku salah guna kedudukan

**Tawau:** Seorang penjawat awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menyalahgunakan kedudukan untuk meluluskan dokumen pembelian kenderaan bernilai RM15,000 kepada isterinya, tiga tahun lalu.

Mohaidy Tabin, 43, yang juga Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) di Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sabah, memohon dibicarakan selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud.

Berdasarkan pertuduhan, dia didakwa menyalahgunakan kedudukannya ketika berkhidmat selaku Ketua Cawangan dan Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga di Pejabat Jabatan Insol-

vensi Malaysia Cawangan Tawau, bagi mendapatkan suapan.

Tertuduh didakwa memilih isterinya, Faizah Noor Fauzi sebagai penyebut harga yang berjaya dalam sebut harga kenderaan lupus jenis Toyota Fortuner 2.7V milik agensi terbabit.

Kesalahan didakwa dilakukan di Pejabat Jabatan Insolvensi Malaysia, di sini, pada 18 Oktober 2018, dengan pendakwaan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun serta denda lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Rekhraj Singh, manakala tertuduh diwakili peguam Jhesseny P Kang.

Mahkamah menetapkan tertuduh diikat jamin RM9,000 dengan seorang penjamin, selain perlu melapor diri sebulan sekali di pejabat SPRM Kota Kinabalu dengan pasportnya diserahkan kepada mahkamah.

Selain itu, tertuduh dilarang mengganggu atau menghubungi mana-mana saksi pendakwaan sama ada secara langsung atau tidak langsung termasuk melalui pihak ketiga selain tidak dibenarkan meninggalkan Sabah kecuali dengan permohonan dan kebenaran mahkamah sepanjang tempoh kes dibicarakan.

Pengurusan kes ditetapkan 8 April depan.

BERITA HARIAN/25 FEBRUARI 2022/M.S: 16

## Bekas Pengarah KPTM Semporna didakwa

**Tawau:** Bekas Pengarah Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Semporna, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 12 pertuduhan menyalahgunakan kedudukan bagi mendapatkan suapan RM6,797.50 lima tahun lalu.

Tertuduh, Saifulkakar Shariff, 54, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus semua pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan dengan meluluskan 12 Borang Permohonan Perolehan (Bekalan/Perkhidmatan/Kerja) (PTD/01/03) bagi pembelian tiket kapal terbang untuk isteri dan anak lelakinya dari Tawau ke Kuala Lumpur, dengan nilai keseluruhan RM6,797.50.

Tertuduh yang kini bertugas sebagai Pengarah Jabatan Pengajian Berterusan di Ibu Pejabat KPTM Kuala Lumpur, didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat KPTM Cawangan Semporna, antara November 2017 sehingga Ogos 2018.

Kesalahan dilakukan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Mala-

ysia 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama dan jika sabit kesalahan, boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda suapan.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah, Nurul Izzati Sapifee, menawarkan jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin bersama beberapa syarat tambahan termasuk tertuduh dikehendaki melaporkan diri di Pejabat SPRM Kuala Lumpur setiap bulan, selain passport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah.

Bagaimanapun, peguam Siti Nurul Ain Sahidah Pitting mewakili tertuduh, memohon mahkamah mempertimbangkan wang jaminan rendah RM5,000 mengambil kira faktor anak guamnya mempunyai tanggungan iaitu isteri dan enam anak, selain turut menanggung perbelanjaan adik beradik dan ibu di kampung.

Awang Kerisnada kemudian menetapkan tertuduh diikat jamin RM7,000 dengan seorang penjamin serta membenarkan syarat tambahan seperti dipohon pendakwaan.